

OKTOBER
2023

Dari Pihak Kepentingan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP BIL.3/2023

Kuala Lumpur, 27 Oktober - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.3/2023 yang turut dihadiri oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob, Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, YH. Dato' Saiful Edris bin Zainuddin, Pegawai Kewangan Negeri Pahang, YH. Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar serta ahli-ahli Perbadanan PKNP yang lain.



Sesi Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.3/2023 di Kuala Lumpur

YAB MENTERI BESAR PAHANG MENYEMPURNAKAN PERASMIAN VIDEO INVEST IN PAHANG DAN VIDEO LAGU PENGGERAK



Sesi menandatangani plak pelancaran video Invest in Pahang dan Lagu Penggerak

Kuala Lumpur, 27 Oktober - Satu sesi ringkas pelancaran Video Invest In Pahang dan Lagu Penggerak PKNP oleh YAB. Menteri Besar Pahang merangkap Pengurus PKNP, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah diadakan baru-baru ini.

Sesi pelancaran tersebut disusuli dengan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.3/2023 dan telah disempurnakan dengan gimik pelancaran yang mana YAB. Dato' Sri diiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menandatangani plak-plak pelancaran yang telah disediakan.

SELAMAT HARI ULANG TAHUN KELAHIRAN KE-65 KEPADA YAB MENTERI BESAR PAHANG



Selamat Hari Ulang Tahun Kelahiran ke-65 kepada YAB. Menteri Besar Pahang, selaku Pengurus Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail pada 1 Oktober 2023.

Warga PKNP turut mendoakan semoga YAB. Dato' Sri sentiasa dalam rahmat Allah SWT, dipanjangkan umur, dikurniakan kesihatan yang terbaik serta bahagia di samping keluarga tercinta.

Ikhlas daripada Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

HARI MESRA MEDIA PKNP 2023

Kuantan, 15 Oktober - Penganjuran Hari Mesra Media PKNP 2023 telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran lebih daripada 80 orang pengamal media dan warga kerja PKNP.



Bersama Peserta Hari Mesra Media 2023

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar hadir bagi merasmikan program tersebut dan beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir terutamanya dalam kalangan agensi-agensi yang berkaitan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk menaiki ATV sambil membersihkan kawasan sekitar pantai serta turut diadakan acara sukan rekreasi termasuk paintball, memanah, bola tampar pantai dan boling kelapa.

Selain mengeratkan 'rapport' PKNP dengan pihak media, objektif penganjuran program ini adalah untuk membersihkan kawasan sekitar Pantai Balok yang merupakan salah satu tarikan pelancongan di negeri ini.



Dato' Mohd Faizal dan Datin Zuhaira hadir bagi menyokong program ini

Turut hadir dari pihak agensi adalah Pengarah SWCorp - Encik Sharudin bin Hamid, Pengurus Kawasan Perkhidmatan (PSA) Alam Flora Sdn.Bhd.- Encik Mohd Hadzlin bin Nadzri, Presiden Kelab Media Pahang - Encik Jasmi Faisal bin Muda serta wakil Pengurus Besar Tourism Pahang- Encik Khairul Akmal bin Mohamad.

Manakala di pihak PKNP turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP - Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaluddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP- Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurusi PUSPANITA PKNP - Y.Bhg. Datin Zuhaira binti Zainordin serta Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP - Encik Nasry bin Kassim.

TAHNIAH DI ATAS PELANTIKAN YBHG. DATUK DR. HANISAH BINTI HUSSIN SEBAGAI AHLI PERBADANAN PKNP



Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Hanisah binti Hussin selaku Timbalan Pengarah 1 (Industri), Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi, Kementerian Ekonomi di atas pelantikan sebagai Ahli Perbadanan PKNP bermula Oktober 2023.

Ikhlas daripada Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

PKNP DI SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2023



Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi Negeri Pahang, YB. Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib mengunjungi pameran PKNP di SIBS 2023

Kuala Lumpur, 19 Oktober - PKNP sebagai Pemparmer di bawah Payung Invest Pahang menawarkan peluang-peluang yang menarik di Negeri Pahang bagi Sektor Perindustrian di Selangor International Business Summit 2023 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur.

Kunjungan pelawat dari pelbagai latar belakang dan negara memeriahkan lagi suasana sepanjang pameran berlangsung.

Booth Invest Pahang juga telah menerima kunjungan daripada YAM Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan juga Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) YB. Tuan Liew Chin Tong.

SEKALUNG PENGHARGAAN & TERIMA KASIH YBHG. DATO' HERMAN BIN ABDUL HAMID



Penyerahan Buku Rancangan Malaysia Ke-12 dan Nota Serah Tugas oleh YBhg. Dato' Herman bin Abdul Hamid kepada YAB. Menteri Besar Pahang

Selamat bersara dan jutaan terima kasih dititipkan kepada Yang Berbahagia Dato' Herman bin Abdul Hamid atas jasa bakti dan khidmat yang diberikan sebagai Ahli Perbadanan PKNP bermula 2021 hingga 2023.

Ikhlas daripada Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

SESI PENERANGAN INSENTIF DAN JENIS-JENIS BANTUAN OLEH MIDA, MIDF & HRD CORP DENGAN KERJASAMA PKNP

Kuantan, 24 Oktober - PKNP selaku One Stop Agency (OSA) bagi sektor pekilangan Negeri Pahang telah mengadakan sesi penerangan mengenai insentif dan jenis-jenis bantuan kepada syarikat-syarikat pekilangan di bawah selian Bahagian Perindustrian PKNP dengan kerjasama Malaysia Industrial Development Authority (MIDA), Malaysia Industrial Development Finance (MIDF) dan Human Resources Development Corporation (HRD Corp) di Bilik Seminar PKNP, Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan.



Peserta sesi Penerangan Insentif dan Jenis-jenis Bantuan oleh MIDA, MIDF & HRD Corp dengan kerjasama PKNP

Objektif sesi penerangan ini adalah untuk memberi input-input mengenai insentif dan jenis-jenis bantuan yang dapat disediakan oleh agensi seperti MIDA, MIDF ke arah memperkasakan pertumbuhan ekonomi di Negeri Pahang Darul Makmur.

Pada sesi penerangan ini, Cik Nadia Zam Zam, Pengarah MIDA Pahang telah menyampaikan maklum pemberian insentif-insentif di bawah MIDA bagi sektor perindustrian kepada syarikat pekilang yang berkelayakan di samping turut memperjelaskan polisi dan dasar kerajaan khususnya di peringkat kementerian (Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia) dalam memacu pertumbuhan ekonomi sektor pekilangan di Malaysia.

Puan Hizra Zakaria wakil dari MIDF Wilayah Timur (Malaysia Industrial Development Finance) juga telah memberi penerangan kepada yang hadir berkaitan peranan MIDF serta bentuk-bentuk bantuan kewangan yang bersifat pinjaman yang boleh ditawarkan kepada syarikat industri kecil dan sederhana (SMEs), pelaburan perbankan dan juga pengurusan aset. Ini dilihat dapat membantu syarikat yang berpotensi ke arah mengembangkan pembangunan syarikat agar lebih dinamik dan progresif.

Pada akhir sesi penerangan, Encik Izzuddin Azizi dari HRD Corp telah turut memberikan penerangan tentang peranan dan fungsi HRD Corp dalam menawarkan perkhidmatan pembangunan modal insan yang disifatkan oleh beliau merupakan faktor penting bagi pembangunan syarikat mencapai matlamat melahirkan tenaga kerja yang produktif demi kelangsungan kestabilan pembangunan bagi sebuah syarikat atau organisasi.



Sekitar sesi Penerangan Insentif dan Jenis-jenis Bantuan oleh MIDA, MIDF & HRD Corp


**lensa PKNP
PHOTOGRAPHY**
KEJOHANAN DART TERTUTUP**MINI GEMAPUTERA E-SPORT FIFA 2023*****Sidang Redaksi***

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Enclik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Enclik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar